

05/05/2001

Bekalan tenaga tidak diswasta sepenuhnya

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tidak akan menswastakan sepenuhnya industri bekalan tenaga elektrik negara walaupun sektor swasta boleh memberi sumbangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sumbangan sektor swasta tidak sebesar fungsi Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mempunyai pengalaman dan kepakaran serta dikuasai kerajaan.

"TNB mempunyai pengalaman luas dan terletak di bawah kerajaan yang akan memastikan keselesaan serta kebajikan rakyat sentiasa terpelihara, manakala swasta lebih mengutamakan keuntungan," katanya ketika berucap sempena lawatan kerja di ibu pejabat TNB di Bangsar, hari ini.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri melancarkan Unit Nombor 5 Stesen Jana Elektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Kapar, Selangor; Skim Taman Perumahan TNB di Pasir Gudang, Johor; Kampus Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Bandar Muadzam Shah, Pahang dan Kedai Tenaga Prosper secara sidang video.

Dr Mahathir berkata, swasta akan hanya mementingkan keuntungan berbanding TNB, yang selain melihat keuntungan, akan memberi keutamaan kepada keselesaan rakyat.

"Jadi janganlah kita khuatir kerajaan akan mengikut negara maju yang ghairah menswastakan bekalan tenaga elektrik sehingga menyebabkan bekalan tenaga terputus.

"Ada negara maju kini sedar bahawa penswastakan sepenuhnya mungkin membawa kepada masalah terputus bekalan elektrik seperti berlaku di California, Amerika Syarikat.

"Di Malaysia, kita akan imbangi sumbangan swasta dan awam terutama dalam penajaan dan pengagihan tenaga di seluruh negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan TNB sebagai sebuah syarikat pembekal utama tenaga elektrik membuktikan penswastakannya menjadikan ia lebih cekap berbanding sebagai satu jabatan diurus secara birokratik oleh kerajaan.

Katanya, kejayaan TNB mencatat keuntungan RM1.4 bilion bagi tempoh enam bulan pertama berakhir Februari lalu, satu prestasi membanggakan.

Beliau berharap, TNB akan menjadi syarikat pertama di negara ini yang mencatat keuntungan RM3 bilion.

Sementara itu, ketika sesi dialog dengan kakitangan TNB, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan tergesa-gesa menswastakan stesen jana kuasa kecuali ia dapat memberi faedah kepada rakyat dan tidak merugikan kakitangan.

"Kita tidak jual semua harga kerajaan kepada swasta. Apabila saham naik kita akan dapat lebih tetapi kadang-kadang perlu imbalan antara tanggungjawab kerajaan dan swasta.

"Sebab itu kita sentiasa berhati-hati ketika memutuskan cadangan untuk memperbadan atau menswastakan harta milik kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika sesuatu jabatan itu terus menjadi milik awam, kerajaan tidak boleh menaikkan skim gaji bagi mengimbangi gaji yang ditawarkan oleh sektor swasta.

Penswastakan sesuatu entiti atau agensi kerajaan berbeza dengan negara lain, yang hanya ingin mendapatkan tukaran wang asing bagi menghapuskan hutang. Sebaliknya di Malaysia, penswastakan diberikan kepada rakyat yang berkemampuan dan sanggup bekerjasama dengan kerajaan.

"Kerajaan adalah pemegang saham terbesar dalam sesuatu entiti yang diswastakan malah kerajaan juga bertanggungjawab terhadap penswastakan

berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, bekalan tenaga elektrik di Malaysia kini menjadi satu keperluan kepada semua lapisan rakyat termasuk di kawasan terpencil dan kejayaan TNB meningkatkan kemudahan bekalan adalah perkara yang membanggakan.

"Kita tidak bersikap sambil lewa. Jangan kita fikir ia satu perkara semula jadi, ia perlu diusaha dan diurus dengan baik serta dijaga dan diselia mereka yang berpengetahuan, cekap dan terlatih," katanya.

(END)